

# **IMPAK MEDIA SOSIAL TERHADAP KERUNTUHAN AKHLAK DALAM KALANGAN PELAJAR: SATU TINJAUAN AWAL**

**Nurul Izzah Noor Zainan**

*Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan  
nurulizzah@uitm.edu.my*

**Nurul Hidayah Awang @ Ab Rahman, Mohd Khairul Anuar Ismail, Nor Asmira Mat  
Jusoh, Zanirah Mustafa @ Busu, Zurkarnain Yusoff**

*Universiti Teknologi MARA Cawangan Kelantan*

**Salma Ab Rahman**

*Pejabat Pendidikan Daerah Kota Bharu, Kelantan*

**Abstrak:** Media sosial masa kini telah memberi impak besar terhadap pembentukan tingkah laku dan keperibadian pelajar. Perkembangan zaman yang pesat menyebabkan masyarakat khususnya remaja berlumba-lumba untuk menggunakan media sosial seperti facebook, twitter, instagram dan sebagainya. Hal demikian adalah kerana medium media sosial memberikan info atau maklumat terkini mengenai berita semasa mahupun apa yang sedang berlaku. Akan tetapi jika tersalah terhadap penggunaannya akan memberikan kesan yang negatif kepada penggunanya. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Metod perpustakaan dan penelitian akan digunakan untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dan kemudiannya dianalisis menggunakan metode induktif bagi mendapatkan satu kesimpulan. Hasil kajian mendapati penggunaan media sosial tanpa kawalan memberi impak negatif terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar dari aspek keganasan dan pornografik, fesyen, hubungan sillaturrahim serta perkataan dan perbuatan. Justeru itu, generasi pendidik harus bekerjasama dalam membina kembali kepimpinan akhlak para pelajar untuk menghasilkan graduan yang berkualiti berjaya bukan sahaja dalam bidang akademik malah juga berjaya dalam mempamerkan sahsiah yang baik.

**Kata Kunci:** Impak, media sosial, akhlak

## **1. Pengenalan**

Akhlak merupakan peradaban atau personaliti bagi seseorang untuk memperkenalkan siapakah diri mereka sama ada baik atau buruk. Akhlak memainkan peranan yang penting dalam kehidupan kita dalam mempamerkan tingkah laku seseorang. Definisi akhlak menurut bahasa ialah yang berasal daripada perkataan '*khuluq*' yang bermaksud perilaku, perangai atau tabiat. Manakala dari segi istilah menurut Imam al-Ghazali, akhlak ialah suatu sifat yang tertanam dalam jiwa daripadanya timbul perbuatan-perbuatan tanpa pertimbangan akal fikiran terlebih dahulu. Ini membawa maksud akhlak adalah sesuatu tindakan secara spontan yang datang dari jiwa manusia yang tidak memerlukan daya pemikiran di dalam melakukan sesuatu tindakan.

Akhlak juga diertikan dengan sesuatu perkara yang telah menjadi kebiasaan dalam kehidupan manusia tanpa menjerus kepada tindakan akal. Ini membawa maksud apa yang telah di didik oleh kedua ibubapa seseorang sejak dari kecil lagi dengan tindakan yang betul akan membawa pembentukan akhlak yang baik serta dengan cara pemerhatian dan contoh yang baik juga akan membawa pembentukan akhlak yang baik.

Begitu juga dengan kehidupan kita, sesiapa yang menunjukkan perilaku yang baik, maka baiklah akhlaknya dan sesiapa yang menunjukkan perilaku yang teruk maka buruklah akhlaknya. Dunia pada masa kini lebih banyak terjerumus dengan media sosial. Segala maklumat boleh didapati dalam laman sosial dan ia juga boleh menghubungkan hubungan yang jauh melalui media sosial. Pelbagai laman sesawang yang boleh dilayari seperti facebook, instagram, twitter, wechat, whatsapp dan lain-lain lagi untuk menghubungkan hubungan silaturrahim manusia tanpa perlu ada di depan mata.

Media sosial secara definisi ialah sebuah kumpulan aplikasi berasaskan internet yang membangun atas dasar idealogi dan teknologi Web 2.0, dan yang membolehkan penciptaan dan pertukaran (Kaplan, 2015). Dalam media sosial, kita bebas untuk mempamerkan dan meluahkan segala

apa yang terjadi dalam kehidupan kita dan dapat ditonton oleh semua pelayar bagi setiap laman sesawang yang berkaitan. Selain daripada itu, segala informasi atau berita-berita terkini semakin cepat lagi tersebar dalam media sosial bahkan untuk mendapat *trending* yang tinggi, kita boleh mereka cerita untuk mendapatkan tarikan dalam laman yang kita cipta sendiri.

Ini menunjukkan pengaruh media sosial mampu mempengaruhi perubahan akhlak anak muda pada masa kini. Ini adalah kerana daya tarikan yang terpamer dalam media sosial yang mempengaruhi akhlak remaja serta pelajar pada masa kini. Terdapat banyak rancangan televisyen berbentuk hiburan semata-mata dan menjadi kegilaan anak-anak muda masa kini. Rancangan seperti ini tidak memberi manfaat atau ilmu malah tidak mampu merangsang perkembangan minda dan kemahiran dalam masyarakat.

## **2. Kajian Lepas**

Menurut Sohana Abdul Hamid (2016), wujudnya media massa pada masa kini adalah untuk menyediakan informasi ke arah memacu perubahan serta banyak membawa pengaruh pada pola kehidupan masyarakat kini. Media massa berkembang daripada hanya penggunaan budaya lisan, iaitu pengucapan dan penyebaran maklumat daripada mulut yang kemudian ditambah menjadi senjata yang tajam iaitu melalui tulisan di media cetak. Selain itu juga, media sosial merupakan salah satu alat untuk menyebarkan informasi, pesanan, pendapat, rumor, gosip, propaganda dan sebagainya kepada masyarakat secara keseluruhannya. Media sosial di zaman era globalisasi ini dengan adanya televisyen, radio, majalah, telefon bimbit yang canggih (smart phone) mengakibatkan berita yang tersebar semakin tidak berkualiti bahkan kadang-kadang berita tersebut belum dikenal pasti atau merupakan satu fitnah.

Hasil daripada kajian Fazlinda dan Mohammad Siraj (2018) mendapati kebanyakan pelajar menyatakan terdapat banyak video yang tidak bermoral didedahkan di media sosial. Perkara ini perlu diambil berat kerana video yang tidak bermoral ini dapat merosakkan akhlak dan moral pelajar. Pelajar mudah terdedah kepada bahan pornografi kerana saringan yang sangat lemah terhadap video-video tersebut.

Pada pertengahan abad 1990an, perkembangan industri media bermula dengan pindaan akta penyiaran televisyen satelit dan diberikan lesen kepada beberapa stesyen televisyen dan radio swasta untuk mengendalikan perkembangan dalam perkhidmatan siaran media massa di Malaysia. Hasilnya, media menjadi penyumbang utama kepada corak kehidupan belia hari ini (Samsudin, 1998).

Salah satu penyebab berlakunya keruntuhan akhlak remaja masa kini adalah hasil daripada bahan dan rancangan media massa yang dipaparkan di dalam negara. Media sosial yang paling diminati oleh pelajar adalah berbentuk hiburan ke arah keseronokan dan tidak memberikan sumbangan yang positif kepada perkembangan akhlak generasi muda hari ini. Bahan hiburan ini diperolehi sama ada melalui Internet, televisyen, majalah hiburan juga radio. Pengaruh hiburan menjadi pilihan utama masyarakat berbanding slot agama dan wacana ilmu yang boleh menambahkan ilmu pengetahuan (Ab. Halim & Zarin, 2004).

Media merupakan medium yang dapat merangsang dan mempengaruhi sikap serta tingkah laku individu atau masyarakat merangkumi semua aspek kehidupan manusia. Media juga berperanan dalam membina identiti bangsa dan budaya untuk pembangunan keseluruhannya. Kemudahan sosial dan budaya disalurkan melalui televisyen, VCD, majalah, buku cerita, radio, telefon bimbit, internet, dan lain-lain kemudahan yang sedia ada. Media massa bukan sahaja merupakan saluran maklumat bagi memperolehi hiburan dan pengetahuan, tetapi juga mencorakkan pelbagai tingkah laku sosial, budaya, perkembangan personaliti dan seterusnya memperkasa sendiri individu sama ada ke arah positif ataupun sebaliknya. Justeru, pengaruh negatif media massa yang terdiri daripada media cetak dan media elektronik ini sebenarnya secara tidak langsung mempengaruhi tingkah laku masyarakat. Pengaruh media massa seperti media cetak dan media elektronik menjadi punca akhlak belia pincang dan rosak. Hal ini disebabkan, belia kini lebih berminat menonton televisyen, mendengar radio, berinteraksi dengan komputer sama ada bermain komputer 'game' atau melayari internet daripada berinteraksi dengan ibu bapa dan ahli keluarga. Secara tidak langsung, aktiviti ini menyebabkan pelajaran, kerja rutin harian dan tanggungjawab lain diabaikan (Abdullah & Mawaddah, 2010: 1-9).

Rancangan media massa menyebabkan perubahan penampilan akhlak yang dapat dilihat dalam tiga aspek iaitu cara pemakaian, cara pergaulan, berhibur dan berkomunikasi dalam kalangan pelajar (Wan Norina et al., 2013: 17-27). Kajian mendapati pelajar-pelajar di institusi pengajian menghabiskan

masa lebih daripada tiga jam dalam sehari bagi melayari web untuk bersantai. Laman web yang dimaksudkan adalah lebih kepada laman sosial seperti facebook, twitter, instagram dan sebagainya.

Data pada tahun 2010 menunjukkan facebook merupakan antara laman web yang paling popular dilayari di Malaysia dan mendapati penggemarnya kebanyakan di kalangan yang berumur 12 hingga 35 tahun (Fariza Md Sham, 2010). Paparan media elektronik dan media cetak boleh mempengaruhi tingkah laku golongan remaja yang juga dikategorikan sebagai pelajar (Hamidah Sulaiman, 2005).

Masyarakat kini menjadikan media sosial sebagai rujukan utama untuk mengetahui berita terkini sama ada palsu atau benar. Oleh itu, penting untuk masyarakat terutamanya ibu bapa untuk memberikan pendedahan kepada anak tentang penggunaan media sosial dan juga bahayanya mengekspresikan diri tanpa batasan di ruang maya itu agar mereka lebih matang dalam menggunakan teknologi dengan baik.

Aplikasi media sosial juga telah menjadi satu platform kepada pengguna yang tidak bermoral untuk menyebarkan maklumat negatif seperti kandungan seksual yang eksplisit (Lofgren-Martenson & Mansson, 2010). Media cetak dan elektronik yang pesat berkembang masa kini mempunyai pengaruh yang besar terhadap tingkah laku dan keperibadian pelajar. Ini kerana pelajar mudah terpengaruh serta mencuba perkara baru bertujuan untuk membentuk identiti diri tersendiri.

Hasil daripada ujian yang dijalankan, didapati tahap pendedahan media massa mempunyai hubungan negatif yang signifikan dengan pegangan akhlak pelajar. Semakin banyak masa yang diluangkan untuk media massa semakin rendah tahap pegangan akhlak pelajar (Ab. Halim & Zarin, 2009).

Hasil kajian mendapati majoriti pelajar mengikuti siaran larut malam seperti “bola sepak” yang boleh mengganggu waktu beribadat kepada Allah seperti qiamullail. Begitu juga, penayangan waktu siaran televisyen selama 24 jam sehari boleh menyebabkan masyarakat leka daripada beribadah kepada Allah. Hal ini disebabkan rancangan kartun yang disiarkan pada waktu maghrib, secara tidak langsung akan mengganggu kanak-kanak daripada mempelajari al-Quran dan solat maghrib pada waktu tersebut. Begitu juga cerita bersiri Melayu yang ditayangkan kepada penonton di antara waktu Maghrib dan Isyak.

### **3. Pernyataan Masalah**

Penyalahgunaan media sosial merupakan punca keruntuhan akhlak di kalangan pelajar hari ini. Antara kesan utama adalah pelajar mudah terikut dengan perkara yang melalaikan serta mengikut budaya barat untuk keseronokan semata-mata. Tambahan lagi, dengan kepelbagaian media sosial elektronik seperti perkakasan (gadget) yang dibekalkan dengan kemudahan internet tanpa had, secara tidak langsung memberi impak yang besar kepada akhlak pelajar. Hasilnya, berlaku perubahan budaya asing melalui pelbagai rancangan Yahudi yang berusaha untuk merosakkan akhlak dan gaya hidup generasi muda hari ini, agar hidup dalam budaya hindonisme dan humanisme bagi memenuhi keseronokan tanpa matlamat di masa hadapan.

Budaya hindonisme ini menyebabkan para pelajar banyak membuang masa dengan permainan atas talian seperti PUBG, Dota dan sebagainya. Malah pelajar juga mudah terikut dengan trend budaya barat seperti budaya yang di bawa dalam industri fileman dan muzik, yang mana unsur-unsur humanisme ditonjolkan seperti filem yang diadaptasi daripada komik-komik yang memperlihatkan kehebatan manusia melangkaui kekuasaan Allah.

Di samping itu juga, pelajar hari ini terkesan dengan era globalisasi dalam perkembangan teknologi telekomunikasi dan media sosial yang memberi liputan di setiap pelusuk dunia tanpa sempadan dan tiada pemantauan yang sewajarnya daripada pihak yang bertanggungjawab, ini menyebabkan antara faktor pelajar-pelajar terdedah kepada pengaruh negatif.

Realiti televisyen banyak mengandungi unsur-unsur yang ditiru dari budaya asing, program dan drama memaparkan pergaulan bebas, cerita ganas yang berbentuk kekerasan serta rancangan yang bersifat hiburan semata-mata. Kesannya banyak mempengaruhi pelajar terhadap penampilan akhlak yang bertentangan dengan syariat Islam. Justeru, polemik tentang isu-isu sosial di kalangan pelajar sebenarnya hasil daripada pengaruh industri media sosial. Perkembangan industri media di Malaysia perlulah di berikan pemantauan dalam penggunaan media bagi mengelakkan daripada unsur-unsur yang menyumbang kepada keruntuhan akhlak pelajar. Situasi permasalahan ini mendorong pengkaji untuk membuat kajian berkaitan impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar. Ini kerana pelajar merupakan aset pembangunan sosial, budaya, politik, sukan dan ekonomi negara pada

masa akan datang dan generasi pelapis kepada kepimpinan hari ini yang akan menerajui negara ke arah negara maju. Oleh itu, masalah-masalah timbul di kalangan mereka perlu diberi perhatian sewajarnya untuk memberi persiapan ke arah kecemerlangan ilmu, akhlak dan pelbagai ilmu pengetahuan perlu dilakukan bermula dari sekarang.

### 3.1 *Objektif kajian*

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui impak media sosial terhadap keruntuhan akhlak dalam kalangan pelajar supaya langkah awal dapat diambil bagi membendung kesalahan penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar. Pada masa kini keperluan penggunaan media sosial sangat penting bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Akan tetapi garis panduan atau peraturan penggunaan media sosial perlu diwujudkan untuk memastikan penggunaannya dengan cara yang positif.

### 3.2 *Kepentingan kajian*

Antara kepentingan kajian yang dijalankan adalah:

- a) Membolehkan pihak-pihak berwajib seperti Kementerian Agama Islam, Kementerian Penerangan, Kementerian Kesenian dan Kebudayaan serta Kementerian Belia dan Sukan menetapkan spesifikasi rancangan yang di tayangkan dan pemantauan dilakukan supaya bersesuaian untuk semua lapisan masyarakat.
- b) Kajian ini membolehkan pensyarah menekankan konsep akidah dan tauhid di kalangan pelajar.
- c) Kajian ini membolehkan ibu bapa melakukan pemantauan terhadap anak-anak dalam penggunaan 'gadget' agar memberi manfaat kepada mereka.
- d) Kajian ini juga diharap dapat menyedarkan masyarakat supaya tidak menyalahgunakan penggunaan media sosial.

## 4. **Impak Media Sosial Terhadap Keruntuhan Akhlak dalam Kalangan Pelajar**

Era globalisasi kini, media sosial berperanan penting dan menjadi tarikan utama dalam kehidupan masyarakat. Namun, impak penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar tanpa kawalan atau secara bebas akan memberi kesan negatif terhadap keruntuhan akhlak. Antaranya ialah penggunaan kata kesat, keganasan dan pornografi, ikutan fesyen yang menjolok mata, hubungan siltaturrahim semakin renggang, serta hilang tumpuan dan kecuaiian semasa memandu (Putri et al., 2016).

### 4.1 *Keganasan dan pornografi*

Aplikasi media sosial juga telah menjadi satu platform kepada pengguna yang tidak bermoral untuk menyebarkan maklumat negatif seperti kandungan seksual yang eksplisit (Lofgren-Martenson, & Mansson, 2010). Impak daripada pengaruh media sosial yang tidak bertanggungjawab boleh mempengaruhi golongan remaja untuk melakukan sesuatu yang tidak bermoral melalui penyiaran filem dan gambar berunsur lucah (Abdullah, 1998). Unsur-unsur lucah dan ganas dalam filem menjadi model pembentukan budaya moden yang liberal dan *permissike* dalam kalangan pelajar (Mustafa Kamil Ayub, 1994). Filem atau adegan ganas serta kurang bermoral yang ditonton golongan pelajar secara berterusan dan berulang kali menyebabkan akhlak pelajar semakin rosak (Azizi Yahya, 2005). Hal demikian menyebabkan *standard* moral remaja di Asia semakin merosot iaitu 20% remaja terlibat dengan penzinaan, 24% terlibat dengan pornografi dan pornoaksi, 21% seks sebelum nikah, dan 35% kes juvana (Orestes, 2002).

### 4.2 *Fesyen*

Rancangan media sosial menyebabkan perubahan penampilan akhlak yang dapat dilihat dalam tiga aspek iaitu cara pemakaian, cara pergaulan, berhibur dan berkomunikasi dalam kalangan pelajar (Wan Norina et al., 2013: 17-27). Media sosial mempengaruhi tingkah laku remaja perempuan kerana mereka mudah terikut dengan fesyen yang baru dan menjolok mata yang dipaparkan di media sosial

(Munirah Azman, 2018). Remaja juga mudah terikut dengan gaya fesyen pemakaian selebriti kegemaran mereka yang menular di media sosial lebih-lebih lagi trend terkini seperti KPOP kerana ingin kelihatan sama seperti idola mereka (Bahammam, 2015). Maka, impak dari segi fesyen berpakaian adalah berlakunya perubahan kepada cara berpakaian mengikut fesyen baru yang menjadikan trend terkini sebagai ikutan utama.

### **4.3 Hubungan sillaturrahim**

Hubungan sillaturrahim merupakan perkara penting dalam hubungan sosial sesama insan. Pengaruh media massa seperti media cetak dan media elektronik menjadi punca akhlak belia pincang dan rosak. Hal ini disebabkan belia kini lebih berminat menonton televisyen, mendengar radio, berinteraksi dengan komputer sama ada bermain komputer 'game' atau melayari internet daripada berinteraksi dengan ibu bapa dan ahli keluarga. Secara tidak langsung, aktiviti ini menyebabkan pelajaran, kerja rutin harian dan tanggungjawab lain diabaikan (Abdullah & Mawaddah, 2010: 1-9). Di samping itu juga, impak media sosial terhadap hubungan sillaturrahim dapat dikaitkan juga dengan amalan pendedahan hal peribadi seseorang. Banyak pihak yang tidak berpuas hati dengan orang lain mendedahkan pelbagai kelemahan individu yang dicemburui dan dibenci bagi tujuan untuk memalukan mereka (Ezaleila Mustafa, 2016).

### **4.4 Perkataan perbuatan**

Media sosial yang paling diminati oleh pelajar adalah berbentuk hiburan ke arah keseronokan dan tidak memberikan sumbangan yang positif kepada perkembangan akhlak generasi muda hari ini. Bahan hiburan ini diperolehi sama ada melalui Internet, televisyen, majalah hiburan juga radio. Gaya hidup dan perilaku masyarakat kini semakin berubah disebabkan pengaruh yang kuat daripada media sosial yang dijadikan inspirasi dan trend terkini (Munirah Azman, 2018). Sejak kebelakangan ini, pelbagai istilah baru muncul bagi menarik minat manusia kepada media sosial yang mendatangkan impak negatif terhadap perlakuan dan tutur kata masyarakat seperti perkataan 'challenge' menggunakan aplikasi Tik Tok dan juga Bigo untuk melakukan aksi seperti menari, melompat dan sebagainya mengikut rentak lagu yang disediakan oleh pihak aplikasi. Lantaran itu, pengaruh hiburan menjadi pilihan utama masyarakat berbanding slot agama dan wacana ilmu yang boleh menambahkan ilmu pengetahuan (Ab. Halim & Zarin, 2004). Pelajar di institusi pengajian pula menghabiskan masa lebih daripada tiga jam dalam sehari bagi melayari web untuk bersantai. Laman web yang dimaksudkan adalah lebih kepada laman sosial seperti facebook, twitter, instagram dan sebagainya (Wan Norina et al., 2013: 17-27).

## **5. Kesimpulan**

Media sosial amat berpengaruh dalam dunia hari ini untuk melestarikan kehidupan masyarakat. Tujuan utama media sosial diperkenalkan adalah untuk menyebarkan maklumat dan memudahkan berkomunikasi, akan tetapi media sosial kini mengalami transformasi bukan sekadar sebagai penyebar maklumat malah aktiviti hiburan termasuk baik dan buruk juga berlaku. Media sosial mempunyai potensi yang menyalurkan nilai-nilai positif kepada semua golongan masyarakat. Ini kerana masyarakat kini menjadikan media sosial sebagai wadah untuk mencari, memahami dan mencernakan maklumat dalam membantu aktiviti harian mereka. Media sosial perlu memainkan peranan dalam menyebarkan dakwah, penerapan nilai positif dan memberi maklumat yang benar. Inilah teras utama untuk melahirkan pelajar yang berjaya serta diberkati Allah SWT. Media sosial seharusnya digunakan untuk tujuan yang baik untuk memperolehi manfaat, bukan digunakan untuk tujuan jahat, kerana ia akan memberi kemudatan.

Selain itu, kajian juga menunjukkan kesan negatif media sosial yang paling ketara adalah pembaziran masa di kalangan masyarakat terutama pelajar dengan melayari laman web yang tidak bermanfaat serta permainan video atas talian. Hal ini terjadi kerana media sosial merupakan medium yang sangat mudah untuk menghabiskan masa; hanya perlu telefon pintar dan rangkaian internet untuk melayari media sosial. Jika pelajar menggunakan media sosial berlebihan tanpa had, mereka akan terdedah kepada ketagihan. Terdapat juga pelajar menggunakan media sosial untuk tujuan hiburan dan



menghilangkan stres. Pelajar perempuan lebih mudah terpengaruh dengan pelbagai aspek di media sosial seperti membeli belah atas talian, gosip-gosip selebriti dan fesyen-fesyen terbaru yang dipaparkan di media sosial manakala pelajar lelaki pula lebih terpengaruh dengan permainan video atas talian seperti PUBG, Mobile Legend, Dota, Counter Strike dan sebagainya. Kesimpulannya, kajian ini dapat menyedarkan pelajar bahawa pentingnya mengawal penggunaan media sosial dalam kalangan pelajar. Kajian ini juga dapat menyedarkan pelajar bahawa media sosial banyak memberi kesan negatif kepada mereka. Jadi, pelajar hendaklah lebih bijak dalam menggunakan media sosial untuk ke arah kebaikan.

## Rujukan

- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2004, 4-6 September). Pengaruh media massa terhadap pegangan nilai akhlak remaja: Kajian ke atas fakir miskin di kawasan luar bandar. In *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modernisme (SIVIC 2004)*, Langkawi.
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail. (2009). Hubungan Antara Pegangan Nilai Moral dengan Media Massa: Tinjauan ke atas Remaja Melayu Luar Bandar. *Sari*, 27, 199-212.
- Abdullah @ Kassim Mohamad. (1998). *Impak Media Ke Atas Remaja: Satu Analisis Program Maklumat Hiburan di Media Massa*. Biro Penyelidikan dan Perundingan Institut Teknologi MARA.
- Abdullah Sulong & Mawaddah Abdullah (2010). *Pengaruh Media Elektronik Terhadap Keruntuhan Akhlak Pelajar*. <http://www.academia.edu/download/55777874/JURNAL.pdf>.
- Azizi Yahya. (2005). *Membentuk Identiti Remaja*. PTS Professional Publishing Sdn Bhd.
- Bahammam, F. S. (2015). *Makanan dan Pakaian: Penjelasan tentang makanan, minuman dan pakaian dalam Islam*. Modern Guide Publisher.
- Ezaleila Mustafa. (2016). Penggunaan laman Sosial dan Impaknya Terhadap Hubungan Persahabatan dalam talian. *Jurnal Komunikasi*, 32(2), 65-81.
- Fariza Md Sham. (2010). Pendekatan psikologi dakwah dalam menangani masalah tekanan emosi remaja: fokus kepada memberi perhatian dan kasih sayang. *Journal Al-Hikmah*, 2, 107-117.
- Fazlinda Ab Halim & Mohammad Siraj Munir Muslaini (2018). Impak Media Sosial Terhadap Tingkah Laku Sosial Pelajar Di Kolej Vokasional. *Online Journal for Tvet Practitioners UTHM*, 3(1).
- Hamidah Sulaiman (2005). Pendidikan Islam dan Pengaruh Persekitaran dan Kemajuan: Kesan Kepada Pembentukan Sahsiah. *Jurnal Pendidikan*, 28(1).
- Kaplan, A. M. (2015). Social media, the digital revolution and the business of media. *International Journal On Media Management*, 1424-1250.
- Lofgren-Martenson, L., & Mansson, S. (2010). Lust, love, and life: A qualitative study of Swedish adolescents' perceptions and experiences with pornography. *Journal of Sex Research*, 47, 568-579.
- Munirah Azman. (2018). *Kesan negatif budaya ikut trend media sosial*. <http://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/kesan-negative-budaya-ikut-trend-media-sosial-1.714782>
- Mustafa Kamil Ayub. (1994). *Menangani Cabaran Membina Kecemerlangan Tamadun Ummah*. Budaya Ilmu Sdn. Bhd.
- Orestes, P.M. (2002). *Song to Avoid After The Tragedy*. Sage Publication.
- Putri, Wilga, Nurwati, Nunung & Santos, Meilney. (2016). Pengaruh Media Sosial Terhadap Prilaku Remaja. *Prosiding penelitian dan pengabdian kepada Masyarakat*, 3(1), 1-154.
- Samsudin A. Rahim (1998). *Pembangunan, Ketembusan Media Dan Identiti Budaya Remaja*. Monograf 6 Kumpulan Penyelidik Irpa Media Dan Identiti Budaya. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sohana Abdul Hamid (October, 2016). Pengaruh Media Massa Terhadap Perubahan Sosial Masyarakat. In *Special Issues: Islamic Studies In Malaysia*, 13(4), 214-226.
- Wan Norina W.H., Zaharah, H., Ahmad, F., Mohamed, Y., & Ahmad Arifin, S. (2013). Pengaruh Media Massa Terhadap Penampilan Akhlak Pelajar Islam Politeknik Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(1).